


Kehadiran pelancong diunjur 9.6 juta tahun depan

Kuala Lumpur: Penyelidikan oleh Kenanga Investment Bank Bhd mengunjurkan ketibaan pelancong di negara ini meningkat empat kali kepada 9.6 juta pada 2023 daripada jangkaan 2.5 juta pada 2022 didorong oleh pembukaan semula sempadan antarabangsa.

Menurutnya peningkatan itu akan dipacu oleh pengoperasian semula perjalanan udara perniagaan dan pelancongan di seluruh dunia, pemansuhan semua kuarantin semasa ketibaan dan keperluan saringan di Malaysia serta pembukaan semula China secara beransur-ansur yang sebelum ini menyumbang kira-kira 12 peratus kepada jumlah ketibaan pelancong di Malaysia.

Faktor ini akan menyokong pertumbuhan pengendalian penumpang oleh Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) dan permintaan penumpang bagi Capital A Bhd (Capital A), jelasnya menerusi nota penyelidikan mengenai kemas kini sektor penerbangan, semalam.

“Kami menjangkakan pengendalian penumpang di seluruh sistem MAHB ma-



KEHADIRAN pelancong didorong oleh pembukaan semula sempadan antarabangsa.

sing-masing meningkat 29 peratus kepada 101 juta pada 2023 dan 15 peratus kepada 116 juta pada 2024, tetapi ia masih jauh untuk menyamai paras sebelum pandemik melanda iaitu 141 juta pada 2019.

“Begitu juga, kami mengunjurkan perolehan daripada kilometer yang dilalui oleh penumpang (RPK) bagi keseluruhan sistem Capital

A berkembang 52 peratus kepada 35 bilion pada 2023, tetapi ini masih kurang daripada paras RPK sebelum pandemik melanda iaitu 63 bilion pada 2019,” jelasnya.

Cabang penyelidikan bank pelaburan itu turut mengulangi saranan ‘neutral’ bagi sektor penerbangan.

Penyelidikan Kenanga juga menyatakan bahawa kenaikan tarif yang sangat di-

perlukan MAHB nampaknya tidak akan berlaku, manakala pelan penstrukturan semula sedang dijalankan untuk mengeluarkan Capital A daripada status Nota Amanan 17 (PN17).

Butiran pelan penstrukturan semula itu dijangka diumumkan pada akhir Januari atau awal Februari 2023, dan selesai pada Julai 2023, menurut Kenanga.